

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KE TIGA PULUH DUA(32)
TAHUN 2024
KOPERASI KAKITANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BERHAD
(KOWANGAN)**

Tarikh : 14 Julai 2024 (Ahad)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Dewan MAKSAK, LIKAS.
Pengerusi : YBhg. Datuk Peter Thien Sin Min
Kehadiran : Seperti di LAMPIRAN A

1. KATA-KATA ALUAN Pengerusi Kowangan

- 1.1 YBhg.Datuk Peter Thien selaku Pengerusi Koperasi mengalu-alukan kehadiran semua terutama sekali wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Sabah Puan Farah Michael, serta mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir atas sokongan yang telah diberikan selama ini demi kepentingan Koperasi.
- 1.2 Beliau menjelaskan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan kali ini yang sepatutnya diadakan di Mini Teater Tun Hamdan, Yayasan Sabah pada 30 Jun 2024 terpaksa ditukar tempatnya atas sebab beberapa syarat penggunaan dewan yang tidak dapat dipenuhi oleh pihak Koperasi, dan penetapan tarikh dan tempat baru pada 14 Julai 2024 di Dewan MAKSAK adalah berdasarkan kesesuaian tarikh dan ketersediaan dewan tersebut.

2. PENGESAHAN KORUM

- 2.1 Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat setelah korum disahkan mencapai 155 ahli yang mana telah melebihi 150 ahli atau 1/3 daripada jumlah ahli Koperasi, mana yang kurang. Jumlah kehadiran ialah 164 ahli.

3. PELANTIKAN Pengerusi dan Setiausaha Sementara

- 3.1 Selari dengan peraturan-peraturan berkenaan dengan pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi, Datuk Pengerusi mempelawa ahli-ahli Koperasi yang hadir untuk mencadangkan pelantikan seorang pengerusi dan juga seorang setiausaha sementara Mesyuarat Agung Tahunan.
- 3.2 Encik Andrew Guntan mencadangkan Pengerusi sendiri, Datuk Peter Thien Sin Min dilantik sebagai pengerusi sementara manakala Setiausaha sendiri, Encik Daniel Ng Chai Cheong sebagai setiausaha sementara. Encik Ah Wah Bin Kong Nam menyokong. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE TIGA PULUH SATU(31)

- 4.1 Datuk Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-31 dari muka surat 6 hingga 19 dalam buku Laporan Tahunan 2023.
- 4.2 Pengesahan minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-31 telah dicadangkan oleh Encik Andrew Guntan dan disokong oleh Encik Ah Wah Bin Kong Nam.

5. MENIMBANG DAN MENERIMA LAPORAN LEMBAGA TAHUNAN 2023-2024

- 5.1 Laporan dibentangkan oleh Setiausaha Koperasi.
- 5.2 Secara keseluruhannya aktiviti-aktiviti Koperasi sepanjang sesi 2023/2024 dapat dilaksanakan dengan memuaskan seiring dengan pegangan Visi, Misi dan Objektif Koperasi. Namun masih terdapat cabaran yang harus diharungi demi memajukan Koperasi dalam pelbagai aspek terutama dari segi peningkatan kedudukan kewangan.
- 5.3 Ahli Lembaga Koperasi telah mengadakan mesyuarat ALK sebanyak sepuluh (10) kali sepanjang sesi 2023/2024. Jumlah keahlian dalam KOWANGAN berdasarkan rekod AJK keanggotaan ialah seramai 483 orang.
- 5.4 Delegasi Ahli Lembaga Koperasi yang diketuai Datuk Pengerusi telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Kewangan Sabah, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun pada 14 November 2023 untuk memberi penerangan kepada beliau mengenai tadbir urus KOWANGAN serta status perihal permohonan penyediaan *Facility Management* untuk bangunan apartmen Kerajaan 9/10 tingkat di Jalan Sepanggar.
- 5.5 Datuk Pengerusi menambah bahawa bangunan apartmen tersebut adalah hakmilik Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri sebelum ini telah mempertanggungjawabkan Koperasi ini untuk mengambil alih pengurusan penyelenggaraan bangunan dan khidmat pengawal keselamatan bangunan apartmen tersebut, setelah ianya berpenghuni atau boleh didiami.
- 5.6 Memandangkan pihak Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan berhubung permohonan penyediaan *Facility Management* tersebut setakat ini, maka Datuk Pengerusi mencadangkan agar barisan Ahli Lembaga Koperasi baharu mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Kewangan Sabah, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun bagi mencari jalan penyelesaian menang-menang termasuk dengan harapan Koperasi diberi peluang membeli bangunan apartmen tersebut dengan harga yang di bawah nilai pasaran, memanfaatkan khidmat pembiayaan melalui Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM) yang berjumlah RM30 juta maksimum atau melalui saluran pembiayaan yang lain.

6. LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL

- 6.1 Laporan Jawatankuasa Kecil Pelaburan Tahun 2023/2024 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Nancy Majangil.
- 6.2 Laporan Jawatankuasa Kecil Pengurusan Premis Perniagaan Tahun 2023/2024 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Clarice Adrian.
- 6.3 Laporan Jawatankuasa Kecil Keanggotaan Tahun 2023/2024 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Jenny Baranting.

- 6.4 Berhubung perkara 8.1(b) yang berbunyi “Diwajibkan untuk membeli satu(1) syer yang bernilai RM100.00 atau lebih”, Datuk Pengerusi mencadangkan agar perkataan satu(1) dipadamkan untuk mengelakkan kekeliruan. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.
- 6.5 Berkenaan dengan jumlah bilangan ahli KOWANGAN yang dilaporkan, Ahli Lembaga Koperasi menerima baik teguran dari wakil SKM bahawa angka tersebut sepatutnya mengikut jumlah bilangan ahli setakat 31 Disember 2023.
- 6.6 Laporan Jawatankuasa Kecil Sosial & Hiburan Tahun 2023/2024 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Winifred Jouny.
- 6.7 Mesyuarat mengambil maklum Majlis Makan Malam KOWANGAN 2023 yang telah diadakan dengan jayanya pada 09 Disember 2023 di Hotel Hilton, Kota Kinabalu di mana Koperasi telah berjaya meraih keuntungan bersih sekitar RM16,000.00 melalui majlis tersebut.
- 6.8 Berkenaan dengan program lawatan luar negara tahun ini ke Indonesia (Jakarta-Bandung) pada 24 hingga 28 Ogos 2024, seramai 28 orang telah mengesahkan penyertaan.
- 6.9 Encik Lee Yun Tet mencadangkan agar semua laporan diterima. Encik Ah Wah Bin Kong Nam menyokong. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

7. MENIMBANG DAN MELULUSKAN LAPORAN AUDIT DALAMAN 2023

- 7.1 Puan Ellyn Patrick Assang melaporkan pernyataan Juruaudit seperti berikut:-
 - Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan tersebut memberi satu gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi Kakitangan Kementerian Kewangan Sabah Berhad pada 31 Disember 2023.
 - Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkaitan diselenggara dengan memuaskan.
- 7.2 Mesyuarat menerima baik teguran terhadap tatacara pengauditan oleh wakil SKM supaya memeriksa akaun-akaun koperasi sekurang-kurangnya empat kali(4) setahun.
- 7.3 Puan Joselyn Jane Majanil mencadangkan laporan diluluskan. Puan Asmah Din Kassim menyokong.

8. MENIMBANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT 2023

- 8.1 Laporan dibentangkan oleh Datuk Pengerusi.
- 8.2 Penyata kewangan Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah diaudit oleh Juruaudit Luar, N.S. Lim & Co.
- 8.3 Berdasarkan penyata kunci kira-kira pada 31 Disember 2023, jumlah aset adalah bernilai RM2,432,553.28, jumlah liabiliti bernilai RM49,087.07 dan jumlah tunai bernilai lebih kurang RM1 juta, manakala keuntungan bersih yang diperolehi adalah sebanyak RM26,416.05 berbanding RM124,563.33 kerugian pada tahun 2022. Ini menunjukkan kedudukan kewangan Koperasi yang kukuh.
- 8.4 Berkenaan dengan penghutang Koperasi, Datuk Pengerusi mencadangkan untuk menghapus kira tunggakan sewa bagi bekas penyewa kantin, Nikki Management berjumlah RM12,800.00 yang telah menjadi hutang lapuk. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.
- 8.5 Oleh kerana tidak ada pertanyaan mengenai perkara ini, maka Encik Ah Wah Bin Kong Nam mencadangkan laporan diluluskan. Encik Lee Yun Tet menyokong. Mesyuarat menerima sebulat suara.

9. MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

- 9.1 Berdasarkan kepada prestasi kewangan tahunan dan kemampuan Koperasi, Datuk Pengerusi mengumumkan pembayaran dividen sebanyak 10% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, elaun kehadiran sebanyak RM50.00 dan elaun makan sebanyak RM10.00. Mesyuarat menerima sebulat suara.
- 9.2 Berkenaan dengan maklumat syer serta dividen yang diterima oleh anggota Koperasi, mesyuarat bersetuju sebulat suara agar penyata maklumat tersebut disediakan untuk individu sahaja atas permintaan.

10. MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2024/2025

- 10.1 Anggaran belanjawan dibentangkan oleh Datuk Pengerusi. Oleh kerana tidak ada pertanyaan mengenai perkara ini, maka Encik Lee Yun Tet mencadangkan agar anggaran belanjawan tahun 2024/2025 diterima. Encik Ah Wah Bin Kong Nam menyokong. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

11. MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD MAKSIMUM PINJAMAN LUAR

- 11.1 Mesyuarat bersetuju sebulat suara agar had maksimum pinjaman luar sebanyak RM3 juta dikekalkan.

11.2 Mesyuarat mengambil maklum khidmat pembiayaan melalui Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM) yang berjumlah RM30 juta maksimum bagi membantu koperasi dalam penyediaan dana untuk melaksanakan projek yang berdaya maju.

12. MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD MAKSIMUM PELABURAN KOPERASI

12.1 Mesyuarat bersetuju sebulat suara agar had maksimum pelaburan Koperasi sebanyak RM3 juta dikekalkan.

13. MEMILIH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOWANGAN YANG TAMAT TEMPOH MENGIKUT GILIRAN

13.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa oleh kerana hanya empat (4) pencalonan yang diterima setakat jam 12.00 tengah hari, 05 Julai 2024, maka ke empat-empat calon telah diisytiharkan menang tanpa bertanding seperti berikut :-

- i) Datuk Peter Thien Sin Min
- ii) Encik Timothy Felix Boyou
- iii) Puan Beatrice Foo Boon Lan
- iv) Encik Andrew Guntan

14. MELULUSKAN PELANTIKAN PANEL JURUAUDIT LUAR

14.1 Mesyuarat sebulat suara meluluskan pelantikan N.S. Lim & Co sebagai Juruaudit Luar Koperasi.

15. MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG AHLI BIASA DAN EMPAT (4) ORANG AHLI LEMBAGA KOPERASI UNTUK MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

15.1 Ahli Lembaga Koperasi mencadangkan agar enam(6) orang ahli biasa seperti tersenarai di bawah untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-32 seperti berikut :-

- i) Datin Dg Hamsiah Hj Juana
- ii) Puan Rufina Lee Mailap
- iii) Puan Diana Chong Yen Nyuk
- iv) Puan Jessie Jinu
- v) Puan Judy Ann Engku
- vi) Puan Helen Teo

Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

15.2 Mesyuarat juga bersetuju sebulat suara agar Ahli Lembaga Koperasi sendiri melantik empat (4) orang Ahli Lembaga Koperasi bagi tujuan tersebut selepas Mesyuarat Agung Tahunan ini.

16. MEMBAHAS USUL-USUL YANG DISAMPAIKAN KEPADA SETIAUSAHA SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Tidak ada usul.

17. PENANGGUHAN MESYUARAT

17.1 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11:45 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Datuk Pengerusi dan ucapan syabas daripada wakil SKM, Puan Farah Michael.

Dicatat oleh :



(DANIEL NG CHAI CHEONG)
Setiausaha Mesyuarat Sementara/
Pencatat Minit

Disemak oleh :



(DATUK PETER THIEN SIN MIN)
Pengerusi Mesyuarat Sementara

Tarikh : 23 JULAI 2024

LAMPIRAN A








- 1 ABDUL JAMIL KANAK
- 2 AG. HASHIM HJ. MOHD. YUSOF
- 3 AH WAH BIN KONG NAM
- 4 AINI BINTI TIWOL
- 5 AIVI @ BENEDET MARAAT
- 6 ANDREW GUNTAN
- 7 ANISA YONG @ YONG EN YUEN
- 8 ANITA CHRISTINE SALAM
- 9 APSAH BINTI TADIN
- 10 ASMAH @ JUNAINAH BINTI DIN KASSIM
- 11 BEATRICE D.MIKIL
- 12 BEATRICE FOO BOON LAN
- 13 BERNADETTE BINTI ANACLETUS
- 14 BUATI BINTI AWANG
- 15 CECILIA CHANG YEN THAI
- 16 CELESTINE FUNG LEE MEE
- 17 CHEONG CHEO NEO@ CHEONG CHOO NEO (MARY)
- 18 CHIA PIT HAH
- 19 CHIN SHIN HENG @ VINCENT CHIN
- 20 CHIN SIEW VUN
- 21 CHIN SYN CHU @ WENDY CHIN
- 22 CHONG YUN YIN @ SUZIE
- 23 CHUA KIM MOI @ MONICA CHUA
- 24 CLARICE ADRIAN
- 25 DAPHNE JANE BINTI VICTOR
- 26 DAYANG HAMSIAH BTE HJ. JUANA (Datin)
- 27 DECELVIA MORISON
- 28 DENIS LIM
- 29 DEONYZIA JULIANUS @ MARLINA ABDULLAH
- 30 DIANA CHONG YEN NYUK
- 31 DISNEY EDWARD LAI
- 32 DOROTHY CHIN FUI LEN
- 33 DURAHMAN BIN HAMDAN
- 34 EBENEZER P. GODOMON
- 35 ELLYN PATRICK ASSANG
- 36 EMILDA EDMUND
- 37 ERNYWATI DEWI BINTI ABAS
- 38 FIONA BINTI JOSEPH SANDI
- 39 FUJIAH @ FAUZIAH SUKUK
- 40 FUNG AH MUI
- 41 HALIJA SALLEH

42 HAN LIN WAH
43 HANIZAH BINTI WID @ HELEN
44 HASSAN BIN JAPLUS
45 HENRY JOSEPH GALAIS
46 HIERWAN @ MOHD IKRAM BIN MURSHID
47 HILARY PETRUS
48 HOLIN PADDIS GIMBUL
49 HONG ONN LIU
50 IAN KEVIN WITUS
51 IBRAHIM BIN ASMAT
52 IRENE HAMAD @ SITI JARIAH
53 IRENE YAP NYUK MEE
54 JANE RITA GONDIPON
55 JANET THIEN PIT HA
56 JANISAH BINTI TAYUNG
57 JEANNETTE EWANG MANTAIS
58 JENNY BINTI BARANTING
59 JESSIE JINU
60 JOSEPH BIN RYMAN
61 JOSLYNE JANE MAJANIL
62 JUDY ANN ENGKU
63 JUDY LO
64 JULIAN LO
65 JULIANA @ EMILY AKONG
66 JULKIPLI BIN JUL @GUL
67 JUNIE DORIS YAPP
68 JUSTINA LAWRENCE
69 JUSTINA VICTOR KILOS
70 KAMALTAN BIN KARIMIN
71 KAMARIAH BINTI ABAS
72 KAREN SIGAWAL
73 KARTI BIN TUKIMIN
74 KEE Y KAMARIAH BT K YUSOF
75 KENNETH WONG
76 KIPLI BIN MOKSIN
77 LANDUNA @ LAMINAH BINTI GALANSOU
78 LEE BEE NEO @ MARIA
79 LEE YUN TET
80 LIANG YUK TSHIN @ AGNES LIANG
81 LIEW FUJ MOI
82 LIM NYUK HONG
83 LING SHYH HUEY @ IRENE
84 LYDIA BINTI MARUKAU
85 MAKLIN B. MONJOHI @ DONALD MAKLIN MONJOHI

86 MARDI BIN MARIJO
87 MARGARET CONSTANCE CONNIE LEE
88 MARIA GEORGE
89 MARIAH BINTI ANSIP
90 MARIANA BERDIL MONGKILI
91 MARIATY BTE JOHN CHUAN
92 MARITHI @ MARITAH MASIDIN
93 MASLUH BINTI SITAL
94 MAUREEN MOSIGIL
95 MAZLAN MOKTAR
96 MICHAEL JIKION
97 MOHD FAIZAL MOHD TAHIR
98 MOHD KHAIRUEL SHAH BIN MATJANI
99 MOHD NAZRIN SYAHIRAN
100 MOHD ROZLAN BIN JAAFAR
101 MOHD SAIFUDDIN BIN KARIM
102 MOHD YUSOP BIN KABON
103 MOHD. AZMAIN BIN AHMAD
104 NAZRI BIN MOHD SALLEH
105 NEKMAH BINTI ABDULLAH
106 NG CHAI CHEONG
107 NOOR HIDAYAH BTE AMEENUDDEN
108 NOORHAYATI BINTI MADIN
109 NORAIN BINTI RAMLI
110 NORAZILAH BTE HAMZAH
111 NORIDAH BINTI ARIPI (HAJJAH)
112 NORSAH BUBIN
113 NUR ATHIRAH BTE ZAINUDDIN
114 NURILAH BINTI PG MALADIN
115 NURINAH BINTI MAT NOOR
116 ORNEST MOSUSI
117 PAINIS BTE HJ. ALIP
118 PANG NYUK HOWA
119 PANG SOON VUN
120 PERKASH KAUR
121 PETER THIEN SIN MIN (DATUK)
122 PRISCILLA CHUA PO EN @ PRISCILLA BELIMBIN
123 RAIMAH BINTI AMIN
124 RAZALEIGH YUSOF
125 ROHAYA HJ MURSHIDI
126 ROSE BINTI SIPIT
127 ROSE GAJIM @ GEORGE GAJIM
128 ROSITA BTE AMBO DALLI
129 ROSLIAH JIMLIN

130 ROSLINA OSMAN BUMPIN
131 ROSMEH BINTI MOLIDIN
132 ROSNI BINTI NAMING (Datin)
133 RUFINA LEE MAILAP
134 RUKIAH ASAN
135 RUMAINAH BINTI YAAKUB
136 RUSDIN RIMAN (DATUK)
137 SAADIAH DATUK HJ. MOHD. SALLEH
138 SALIM BIN MOHD. HASSAN
139 SALMIAH HJ. ABDUL ALIF
140 SAPININ BIN RIBIN
141 SARZIKOR @ SARZIKOR KAUR
142 SAULIM BINTI GUTOK
143 SENIAH BINTI TAIP
144 SENNIAH LAGA
145 SERIA @ SAIRAH INDAN
146 SHAHRIL HJ. SAINOH
147 SHIM KHONG MOI @ AGNES
148 SIANI BT MAJANGIL @ NANCY
149 SITI AFNAH BTE LAGAI
150 SITI RUSNI HANAFIAH
151 SOON BING SHONG
152 STEVENSON JOHN
153 SURIN BIDIN @ ABIDIN
154 TEE GIOK BEE @ ANGELIE TEE
155 TEO LEE TEH @ HELEN
156 TEO THIN HWA
157 TIMOTHY FELIX BOYOU
158 VUN FUI YEE
159 WINIFRED BTE JOUNY @ WINNIE FRED
160 YAP CHOW WAH
161 YAZID YUZAIRIE B. YUNOS
162 YEE PIT SHUE
163 ZARINI BINTI ABDUL GAFAR
164 ZULKARNAIN BIN ZAINI

TANDATANGAN PENENTUSAHAN
MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-32
TAHUN 2024

BIL	NAMA	TANDATANGAN
1	DATIN DAYANG HAMSIAH BTE HJ. JUANA	
2	RUFINA LEE MAILAP	
3	DIANA CHONG YEN NYUK	
4	JESSIE JINU	
5	JUDY ANN ENGU	
6	TEO LEE TEH @ HELEN	
7	ZULKARNAIN BIN ZAINI	
8	SIANI BT MAJANGIL @ NANCY	
9	TIMOTHY FELIX BOYOU	
10	WINIFRED BTE JOUNY @ WINNIE FRED	